

TARIKH	19 / 11 / 2013	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	19	RUANGAN	Negara

## Kumpulan terakhir 281 jemaah haji tiba di KLIA

SEPANG - Kumpulan terakhir seramai 281 jemaah haji Malaysia, tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur semalam menerusi pesawat MH8309.

Mereka yang tiba kira-kira pukul 7 pagi disambut pegawai pengurusan kanan Lembaga Tabung Haji (TH), Malaysia Airlines System (MAS) dan anggota keluarga masing-masing.

Pengurus Besar Bahagian Hal Ehwal Awam dan Komunikasi Korporat Kumpulan TH, Anis Zuhani Ahmad berkata, seorang jemaah haji bagaimanapun masih menerima rawatan di Hospital King Fahd Jeddah, Arab Saudi.

"Pesakit yang dirawat kini dalam pemerhatian doktor dan petugas Tabung Haji di Tanah Suci akan terus memantau keadaan beliau," menurutnya dalam kenyataan kepada media di sini.

Sebanyak 64 buah penerbangan terdiri daripada 39 penerbangan MAS dan 25



**KUMPULAN** terakhir jemaah haji musim ini selamat tiba dengan menaiki pesawat Malaysia Airlines MH8309 di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, Sepang semalam.

penerbangan Saudi Airlines telah digunakan untuk membawa pulang seramai kira-kira 22,000 jemaah haji secara berperingkat, bermula 21 Oktober lepas.

Pada musim haji tahun ini, jumlah kematian jemaah haji Malaysia di tanah suci adalah seramai 26 orang iaitu 15 lelaki dan 11 wanita.  
- Bernama